AUTHOR: No author available SECTION: NASIONAL AUDIENCE : 82,252 PAGE: 4
PRINTED SIZE: 169.00cm² REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Black/White ASR: MYR 5,634
WORDS: 276 ITEM ID: DP0122544204



17 NOV, 2026

Malaysia mampu muncul penyedia tenaga bersih serantau

Berita Harian (MY), Malaysia

Malaysia mampu muncul penyedia tenaga bersih serantau

Kuala Lumpur: Malaysia berada pada kedudukan strategik untuk muncul bukan sahaja sebagai destinasi pelaburan hijau, malah sebagai pembangun, pengeluar dan penyedia penyelesaian tenaga bersih serantau.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata untuk mencapai matlamat itu, kerjasama antara kerajaan, industri, pelabur, ahli akademik dan komuniti tempatan perlu diperkukuhkan selain kekal terbuka kepada idea baharu.

Beliau yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air berkata, keupayaan negara menyediakan ekosistem tenaga berdaya saing serta mampan menjadi faktor utama dalam menarik pelaburan berimpak tinggi membabitkan sektor semikonduktor, pembuatan termaju, infrastruktur digital dan pusat data.

"Syarikat antarabangsa kini semakin mengambil kira akses kepada bekalan elektrik yang boleh dipercayai dan boleh diperbaharui sebelum membuat keputusan untuk bertapak atau mengembangkan operasi mereka.

"Justeru, kita mahu Malaysia diiktiraf bukan sekadar destinasi pelaburan hijau, sebaliknya sebagai pembangun dan penyedia penyelesaian tenaga bersih serantau bagi mencipta nilai berkekalan untuk negara," katanya ketika merasmikan Ladang Solar Program Tenaga Hijau Korporat (CGPP) Gading Kencana, di sini, semalam.

Fadillah berkata, usaha memperkasa tenaga solar perlu bergerak seiring dengan transformasi keseluruhan ekosistem elektrik bagi menangani sifat penjanaan terpasang tenaga boleh baharu (TBB) yang berubah-ubah.

Katanya, kementeriannya memberi tumpuan kepada pelaburan pemodenan grid, pengurusan tenaga digital serta Sistem Penyimpanan Tenaga Bateri (BESS) selain memperkukuh infrastruktur penghantaran dan pengagihan.

"Matlamat kita bukan sekadar menjana lebih banyak elektrik hijau, tetapi membina sistem tenaga yang lebih bersih, berdaya tahan dan cekap pada kos berpatutan demi menyokong aspirasi ekonomi negara serta menjamin kesejahteraan generasi masa depan," katanya.

Fadillah berkata, aspirasi kerajaan bukan sekadar meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor tenaga, sebaliknya melahirkan perusahaan yang mampan dari segi komersial, berkeupayaan teknologi dan berdaya saing pada peringkat antarabangsa.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.